

Ingatlah! *In taṣṣurullāha yaṣṣurukum*- barangsiapa menolong agama

Allah, Allah akan menolong mereka itu

*Allāhuakbar! Allāhuakbar! Allāhuakbar walillāhi al-ḥamd*

\*\*\*\*

### Kurnia Dari Kerajaan Saudi Arabiah

Al-Amīr Fayṣal, Putera Mahkota dan Menteri Luar kerajaan Saudi Arabiah, dalam bulan Ramaḍān al-Mubārak telah sempat singgah di Singapura ini selama beberapa hari dalam perjalanan beliau balik dari menghadiri persidangan Asia- Afrika yang diadakan pada bulan April yang lalu di Bandung.

Selama di sini beliau telah diraikan oleh Dato' al-Sayyid Ibrāhīm al-Saqāf di rumahnya dengan dua keraian- yang pertama di dalam suatu jamuan pertemuan untuk bangsa-bangsa asing dan yang kedua di dalam jamuan pertemuan dengan kaum muslimin di sini.

Di dalam keraian yang kedua itu, Dato' al-Sayyid Ibrāhīm telah mengisytiharkan bahawa al-Amīr Fayṣal telah menyampaikan kelimpahan kekandanya al-Malik Sa'ūd kepada Kolej Islam se-Malaya sebanyak \$40, 000 (pemberian khas) dan sebanyak \$15, 000 untuk pemberian tahunan kerana kolej itu dan sebanyak \$5000 kepada Jam'iyat al-Da'wah al-Islāmiyyah serta \$5000 lagi kepada rumah kebajikan Islam Singapura. Kemudian pada esok malamnya hari beliau berangkat daripada Singapura ini dinyatakan pula kurnia yang limpah sebanyak \$ 10, 000 kepada Madrasah al-Mashhūr al-'Arabiyah di Pulau Pinang.

Sudah tentulah lawatan yang seketika dengan meninggalkan kurnia yang besar dan limpah itu akan terpaku di dalam sejarah Islam di Malaya. Kurnia yang diberikan kepada badan-badan kebajikan seperti Kolej Islam dan Madrasah Mashhūr itu bolehlah disifatkan sebagai kurnia kepada am umat Islam di Malaya dan sayogialah umat Islam di sini mengucapkan syukur dan setinggi-tinggi terima kasih atas kurniaan itu.

Dengan adanya kurnia itu diharaplah kelak pihak Kolej

mengadakan ingatan-ingatan di atas dan umpamanya menghidupkan nama al-Malik Sa'ūd supaya terpampang dalam bangunan itu untuk ingatan selama-lamanya sebab walau bagaimanapun kurnia yang serupa itu sangat dihajat oleh umat Islam untuk menyampaikan cita-citanya menuju kebahagiaan beragama kemudiaannya. Mudah-mudahan kurnia yang besar itu dibalas Tuhan dengan sebaik-baik balasan dan kelimpahan yang berganda-ganda- Amīn.

\*\*\*

### Mogok di Singapura

Pemogokan bas-bas di Singapura telah berlaku mogok itu kesudahannya membawa rusuhan di setengah-setengah kawasan di Singapura ini dengan nampaknya tulang belakang rusuhan itu daripada pemuda-pemuda Cina penuntut-penuntut di sekolah-sekolah Cina yang telah menunjukkan pertentangan yang hebat kepada pengawal undang-undang di negeri ini. Penuntut-penuntut di sekolah ini, menurut Profesor Lim Yaw Tang adalah telah dipengaruhi atau pun menjadi pengikut-pengikut komunis.

Tiap-tiap langkah yang dijalankan oleh penuntut ini selalu benar nampaknya dapat galakan oleh ketua-ketua PETIR, Tuan Li Kuan Yew, dan dalam mensyuarat yang diadakan kerana menyambut 1 hai yang dianjurkan oleh pemogok-pemogok ini Nampak jelas suasana-suasananya adalah daripada penuntut-penuntut-bukan daripada pekerja-pekerja dan juga nampak suasana itu lebih gemar kepada PETIR- daripada yang lain.

Sekalipun perkara pemogokan itu dalam penyiasatan mahkamah, nampaknya pemogok-pemogok itu sekarang sedang menghendaki undang-undang ada pada tangan mereka dan sebab itulah perintah telah dikeluarkan oleh masjistret, sesudah memeringatkan mereka, supaya kekerasan dilakukan bagi menegakkan undang-undang.

Sungguhnya pada pandangan kita, perbuatan yang lembut oleh pemerintah kepada mereka sepattnya dihapuskan sebab lembut itu bukan padangan kepada sesuatu yang menunjukkan kekerasan.